

# 5 terbabit nahas di Mesir stabil

**Kuala Lumpur:** Kementerian Luar mengesahkan lima sekeluarga rakyat Malaysia yang terbabit dalam nahas jalan raya di Mesir, Sabtu lalu berada dalam keadaan stabil.

Dalam kenyataan dikeluarkan semalam, kementerian memaklumkan mereka sudah dipindahkan ke *Sheikh Zayed Specialised Hospital* untuk menerima rawatan lanjut.

“Pegawai dari Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah sudah menemui semua mangsa yang terbabit bagi menghulurkan bantuan sewajarnya.

“Kami ingin mengesahkan tiada warganegara Malaysia yang terkorban dalam insiden terbabit,” katanya.

Dalam kejadian itu, lima sekeluarga berkenaan yang

bercuti di Mesir cedera selepas terbabit dalam kemalangan ketika dalam perjalanan dari Hurghada ke Kaherah.

Mereka ialah Ketua Jabatan Sains Haiwan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Loh Teck Chwen, isterinya, Prof Dr Foo Hooi Ling dan anak mereka, Loh Xiao Tian, Loh Xiao Ting serta Loh Xiau Xuan.

Sementara itu, jurucakap UPM ketika dihubungi berkata, mereka dimaklumkan insiden menimpa keluarga terbabit oleh wakil Kementerian Luar, kelmarin.

“Kami tiada maklumat lanjut mengenai nahas itu dan menyerahkan sepenuhnya kepada Wisma Putra.

“Kami hanya difahamkan mereka bercuti di negara itu,” katanya.